

# Kursus penerangan kepada semua ahli UMNO

UM - 4 JAN 2000

7

KUALA LUMPUR 3 Jan. — UMNO akan memberi kursus penerangan kepada semua 2.7 juta ahlinya di seluruh negara sebelum pemilihan parti 11 Mei ini bagi memupuk semangat cintakan parti di kalangan mereka.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau mahu ahli-ahli parti mempunyai pengetahuan mendalam tentang organisasi UMNO dan komited dengan perjuangannya.

Menurut beliau, bagi menjayakan kursus tersebut satu

perjumpaan akan diadakan pada 11 Januari ini disertai semua ahli Majlis Tertinggi (MT) bagi memberi penerangan kepada pengendali kursus mengenai topik-topik yang akan dibangkitkan.

“Pengendali kursus akan diterangkan mengenai masalah yang dihadapi oleh orang Melayu dan negara berbilang kaum supaya pengetahuan politik mereka mencukupi untuk menyampaikan kursus kepada ahli-ahli UMNO.

“Saya hendak ahli UMNO lebih berpengetahuan ten-

tang UMNO dan jadi komited.” kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT UMNO selama empat jam di Ibu Pejabat UMNO di sini hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, kursus-kursus yang dianjurkan akan disusuli tindakan mengesahkan status keahlian anggota parti di seluruh negara.

“Kita mahu asingkan nama ahli-ahli UMNO yang meninggalkan dunia yang tidak ada lagi dalam parti,” katanya.

Sehingga Jun 1998, keahlian berdaftar UMNO yang direkodkan ialah 2,771,768 orang dengan keanggotaan teramai dari Johor iaitu 391,616 diikuti Sabah (373,569) dan Selangor sebanyak 325,113 orang.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata, UMNO akan meneruskan hubungan dengan para ulama bagi menjelaskan dakwaan-dakwaan tidak benar terhadap parti itu yang dibuat oleh parti-parti pembangkang dalam pilihan raya umum lalu.